



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM  
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN  
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45B-33-12/2016 & 45B-38-  
12/2016]**

**ANTARA**

**PENDAKWA RAYA**

**V**

- 1. UMA MAGESWWAR A/L RAJAKUMAR  
[No KP.: 980428-10-6209]**
- 2. UVARAJA A/L MANIAM  
[No KP.: 870515-43-5097 ]**
- 3. SHARAVANAN A/L SANMUGAMLINGAM  
[No KP.: 930729-10-6581]**
- 4. BAVINTRAN A/L VIJAYA KUMAR  
[No KP.: 940110-10-6261]**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**PERTUDUHAN**

**[1]** Pertuduhan kes no 45B-33-12/2016 dan 45B-38-12/2016

*“Bahawa kamu bersama-sama pada 31 Januari 2016 jam lebih kurang 1.15 pagi bertempat di tepi padang bola, belakang Sekolah Menengah Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam, di dalam daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melakukan kesalahan membunuh iaitu menyebabkan*

*kematian ke atas Muggesh a/l Letchumanan (No KP:950509-05-5223) dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dibawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan”*

**[2]** Pertuduhan kes no 45-3-02/2017 dan 45-5-02/2017

*“Bahawa kamu bersama-sama pada 31 Januari 2016 jam lebih kurang 1.15 pagi bertempat di tepi padang bola, belakang Sekolah Menengah Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam, di dalam daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan didapati dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap Thirunilakandan a/l Arumugam (No KP:941029-14-6025) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan”*

## **FAKTA KES**

- [3]** Pihak pendakwaan telah memanggil seramai dua belas (12) orang saksi. Ringkasan kes pihak pendakwaan adalah sebagaimana tersebut.
- [4]** Thirunilandan a/l Arumugam (SP7) adalah merupakan saksi yang berada di tempat kejadian dan melihat bagaimana kejadian si mati dan beliau dikatakan telah dipukul/dicederakan oleh OKT-OKT. SP7 menyatakan pada 30.01.2016 lebih kurang jam 11.00 malam beliau bersama si mati Muggesh telah pergi ke Restoran Amir Corner Seksyen 25, Taman Sri Muda untuk makan dan minum. SP7 dan si mati pergi ke restoran ini dengan menaiki kereta Saga FLX No Pendaftaran BJY 9887 yang dipandu oleh si mati.

- [5] Pada jam lebih kurang 11.30 malam, SP7 dan si mati telah beredar ke kedai serbaneka WinZ untuk membeli dua botol arak jenama “Tiger”. Semasa si mati dan SP7 beratur untuk membeli arak, telah berlaku pertengkaran mulut di antara si mati dengan OKT1, dimana OKT 1 telah mengeluarkan kata-kata kesat kepada si mati, “*pundek, you kenapa pandang saya*”. Selepas pertengkaran itu, SP7 nampak OKT1 telah pergi ke sebuah motorsikal Kriss dan telah mengeluarkan sebilah parang panjang lebih kurang 13 inci. OKT1 dengan bersenjatakan parang telah datang ke arah si mati bersama kawannya dan telah menghayunkan/melibaskan parang tersebut beberapa kali ke arah si mati dari jarak 1 meter. SP7 telah menarik si mati ke belakang. Pertengkaran ini berlanjutan hampir selama 15 minit. Selepas itu ada seseorang datang menarik OKT1. OKT1 kemudiannya menaiki motorsikal model RXZ telah beredar daripada kedai serbaguna WinZ.
- [6] SP7 dalam keterangannya menyatakan beliau pernah tengok OKT1 sebelum kejadian ini di Taman Sri Muda. SP7 juga menyatakan beliau pernah nampak OKT3 berkeliaran di Taman Sri Muda. OKT3 pernah bersekolah bersama dengan SP7 iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sri Muda
- [7] SP7 telah meneruskan keterangannya dengan menyatakan, setelah membeli dua botol arak, SP7 dan si mati telah menaiki kereta pergi ke padang Sekolah Menengah Sri Muda, yang berada lebih kurang 800 meter daripada kedai serbaguna WinZ. Si mati meletakkan kereta berdekatan dengan padang. Pada ketika itu tidak ada apa-apa kenderaan ataupun orang di padang tersebut. Pada masa itu cahaya di padang Sekolah Menengah Sri Muda tidaklah begitu gelap kerana terdapatnya cahaya dari lampu jalan.

- [8] Setelah beberapa minit SP7 dan si mati berada di tempat parking tersebut, sebuah motorsikal EX5 jenis Honda yang dinaiki oleh dua orang lelaki telah berhenti di sisi kereta bahagian pemandu. Penunggang motorsikal adalah OKT1 dan pembonceng adalah OKT 3. OKT 1 telah menjenguk tingkap kereta dan pada masa itu OKT 1 bersama OKT 3 memegang helmet ditangan masing-masing.
- [9] Tidak lama selepas itu SP7 nampak OKT1 dengan menggunakan helmet yang berada di tangannya telah memukul visor pintu kereta bahagian pintu belakang pemandu menyebabkan visor pintu belakang pecah (rujuk gambar P2 (A)). Kemudiannya, OKT1 telah memecahkan visor pintu hadapan kereta (rujuk gambar P2 (5)). OKT1 telah mengarahkan SP7 dan si mati keluar dari kereta. OKT3 juga telah menjerit meminta SP7 dan si mati keluar dari kereta. Si mati kemudiannya keluar dari kereta. SP7 nampak si mati berkata sesuatu seperti cuba menceritakan/menjelaskan kepada OKT3 apa yang berlaku di kedai serbaguna WinZ, tetapi secara tiba-tiba OKT1 dan OKT3 telah memukul bahagian kepala si mati dengan menggunakan helmet. Pada waktu itu, jarak SP7 dengan si mati adalah lebih kurang satu meter. OKT1 dan OKT3 telah memukul kepala si mati dengan kuat dan pukulan/hentaman tersebut boleh didengar oleh SP7. Si mati telah meletakkan tangannya di atas kepala untuk menghalang pukulan tersebut. OKT1 dan OKT3 pada masa itu berada dalam keadaan agresif. OKT1 dan OKT3 telah memukul si mati di bahagian kepala si mati hampir tiga hingga empat minit. SP7 cuba menghalang OKT1 dan OKT3 daripada memukul si mati tetapi pada masa itu SP7 juga telah dipukul dengan helmet di bahagian muka yang menyebabkan cermin mata yang dipakai oleh SP7 telah pecah. Tiba-tiba selepas itu muncul lagi sebuah motorsikal dimana penunggang dan

pembonceng turut sama memukul si mati. Selepas itu SP7 melihat si mati terduduk dalam keadaan bersandar di belakang tayar kereta.

- [10]** Pada masa yang sama, SP7 nampak OKT1 ada memegang fork lock di tangannya dan telah menghentak kepala si mati dengan kuat dengan menggunakan fork lock tersebut. SP7 tidak dapat mengenali kedua-dua lelaki yang datang menaiki motorsikal tersebut kerana pada ketika itu cermin matanya telah pecah. Selepas itu, SP7 mendapati terdapat sebuah lagi sebuah motorsikal dengan seorang penunggang datang ke tempat kejadian yang turut sama memukul si mati.
- [11]** SP7 mendapati si mati kelihatan *abnormal* (tidak boleh berjalan dengan betul, seperti orang yang sedang mabuk) selepas dipukul oleh lima lelaki tersebut. SP7 juga menyatakan semasa beliau dan si mati dipukul dengan bertubi-tubi, SP7 telah mendengar satu suara daripada seseorang yang bercakap dan meminta OKT1, OKT3 dan tiga yang lain beredar daripada tempat kejadian.
- [12]** Selepas kesemua lelaki tersebut beredar daripada tempat kejadian, SP7 telah mengangkat dan meletakkan si mati di tempat duduk pemandu dan menasihati si mati pergi ke hospital yang terdekat. Pada masa itu si mati masih lagi mampu membawa kereta dengan perlahan. Si mati memandu keretanya dan telah memberhentikan keretanya selepas memandu lebih kurang 500 meter; memaklumkan/memberitahu bahawa dia tidak boleh lagi memandu kereta. SP7 telah menelefon memaklumkan hal ini kepada abang si mati iaitu Thirunyanan. Thirunyanan telah membawa si mati ke Klinik Shah Alam Seksyen 25. Di Klinik Shah Alam Seksyen 25, doktor telah memberi rawatan awal

kepada si mati dan kemudiannya menasihati agar si mati di bawa ke Hospital KPJ Shah Alam Selangor.

- [13] Daripada Hospital KPJ Shah Alam, Selangor, si mati seterusnya di bawa ke Hospital Seksyen 7 Shah Alam. Dalam perjalanan ke Hospital Seksyen 7 Shah Alam, si mati telah tidak sedarkan diri selepas diserang “sawan”. Apabila sampai di Hospital Seksyen 7 Shah Alam, si mati telah dirujuk ke Jabatan Kecemasan dan doktor yang bertugas memaklumkan kepada abang si mati dan SP7 bahawa keadaan si mati adalah kritikal di mana si mati bernafas menggunakan bantuan mesin. Pada 02.02.2016, si mati disahkan telah meninggal dunia.
- [14] Pada 07.02.2016, SP7 telah hadir sebagai saksi dalam kawad cam dan telah dapat mengecam OKT1 dan OKT3.
- [15] Logeshwaran a/l Kaniesan (SP10) juga merupakan seorang saksi pendakwaan yang berada di tempat kejadian. SP10 menyatakan pada malam 30.01.2016, beliau telah pergi ke padang Taman Seri Muda atas ajakan kawannya, OKT3 untuk minum arak. Semasa mereka berdua minum arak, SP10 telah minta OKT3 menghubungi rakan-rakannya datang ke padang untuk bersama-sama minum arak. Tidak lama kemudian OKT2, OKT1 dan OKT 4 datang dengan menaiki motorsikal. Sejurus selepas itu, seorang lagi kawan kepada OKT3 juga telah datang ke padang tersebut untuk minum arak bersama SP10 dan OKT-OKT. Kesemua mereka telah berada di padang tersebut sehingga jam 12.00 malam.
- [16] SP10 menyatakan semasa mereka sedang minum arak di padang tersebut, SP10 telah minta OKT1 dan OKT 4 pergi ke kedai untuk membeli arak. Sejam selepas itu, OKT 1 dan OKT 4 kembali semula ke padang. Selepas itu, SP10 pula telah

meninggalkan mereka untuk pergi ke kedai bagi tujuan membeli rokok.

**[17]** SP10 dalam perjalanannya ke kedai untuk membeli rokok telah nampak ada dua orang lelaki, di mana salah seorang sedang berdiri dan seorang lagi sedang duduk di tepi sebuah kereta. SP10 mendapati ada orang ramai ditempat itu dan telah pergi menghampiri mereka. SP10 nampak kepala lelaki yang sedang duduk ditepi kereta itu berdarah. SP10 ada bertanya kepada lelaki itu dan lelaki itu memberitahu tidak ada apa-apa yang berlaku. SP10 telah menasihati mereka yang berada di tempat itu untuk balik. SP10 juga nampak lelaki yang duduk di tepi kereta itu telah masuk ke dalam kereta dan memandu kereta itu lalu beredar dari tempat itu.

**[18]** Timbalan Pendakwa Raya memberitahu Mahkamah terdapatnya percanggahan keterangan SP10 di Mahkamah dengan pernyataan yang diberi oleh SP10 kepada pihak polis. Timbalan Pendakwa Raya telah membuat permohonan di bawah Seksyen 154 Akta Keterangan untuk memeriksa balas SP10. Timbalan Pendakwa Raya juga membuat permohonan untuk mengemukakan statement SP10 kepada Mahkamah bagi menunjukkan terdapatnya percanggahan dalam keterangan SP10 di Mahkamah. Mahkamah mengingatkan Timbalan Pendakwa Raya bahawa permohonan untuk memeriksa balas saksi di bawah Seksyen 154 adalah berbeza dengan permohonan untuk memeriksa balas saksi di bawah seksyen 145 dan permohonan “impeachment”.

**[19]** Saya telah meneliti soalan-soalan dan jawapan oleh SP10 semasa beliau disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya. Antara soalan-soalan yang ditanya;

- i. Sama ada SP10 nampak dua lelaki india (SP7 dan Simati) sedang dipukul oleh OKT3, OKT1, OKT2 dan OKT4, dan

kawan OKT3 (budak Kuala Lumpur). SP10 menjawab tidak nampak. SP10 menyatakan semasa beliau sampai di tempat tersebut, SP10 nampak ramai orang berdiri disitu.

- ii. SP10 seterusnya tidak bersetuju dengan cadangan Timbalan Pendakwa Raya bahawa dua orang lelaki India itu (SP7 dan Simati) sememangnya dipukul oleh OKT1, OKT2, OKT3 dan OKT4.
- iii. SP10 tidak bersetuju dengan cadangan Timbalan Pendakwa Raya bahawa SP10 telah nampak OKT3 telah memukul si mati dengan menggunakan helmet hitam iaitu helmet milik OKT1.
- iv. SP10 juga tidak bersetuju berdasarkan statementnya kepada polis dia nampak OKT1 menggunakan padlock motorsikal memukul kepala si mati.
- v. SP10 juga tidak bersetuju dengan cadangan Timbalan Pendakwa Raya berdasarkan statementnya dia nampak OKT2 menggunakan helmet telah menghentam kedua-dua lelaki India tersebut (SP7 dan Simati) .

**[20]** Doktor Ayda Liyana binti Ahmad Yusof (SP2) adalah doktor yang bertugas di Hospital Shah Alam pada malam 30.01.2016. Pada pagi 31.01.2016, si mati telah dimasukkan ke wad ICU. Pada pagi 31.01.2016, SP2 bersama Doktor Pakar dan rakan sekerja telah melawat si mati di Wad ICU dan mendapati si mati berada dalam keadaan yang sudah kritikal, di mana si mati telah mengalami penurunan tekanan darah selama beberapa kali dan jantungnya sudah semakin tidak bagus. Pada waktu itu simati telah mempunyai tiub bantuan pernafasan di mulutnya dan sudah tidak sedarkan diri. SP2 mendapati Si mati mengalami severe injuries di bahagian kepala dan CT Scan menunjukkan si mati



mengalami pendarahan di mana tengkoraknya telah retak. Rekod Hospital menunjukkan si mati telah di masukkan ke hospital pada jam 3.00 pagi, 31.1.2016 dan telah tidak sedarkan diri sejak dimasukkan di Wad ICU. Pada 01.02.2016, pembedahan telah dijalankan di bahagian kepala si mati. Pada 2.02.2016 si mati telah meninggal dunia.

**[21]** Doktor Khairul Azman bin Ibrahim (SP4) adalah doktor yang menjalankan bedah siasat ke atas jasad si mati pada 03.02.2016. Hasil pemeriksaan luaran SP4 mendapati si mati mengalami kecederaan-kecederaan berikut;

- i. *Luka berjahit di tepi kiri bahagian kepala berbentuk C berukuran 25sm.*
- ii. *Calar pada sebelah kiri temperoparietal kepala berukuran 0.5 x 0.7sm.*
- iii. *Luka laserasi pada bahagian belakang parietal kiri kepala berukuran 1.0 x 0.5 sm.*
- iv. *Calar kecil pada benjolan tulang dibelakang siku kanan berukuran 1.0x0.5sm.*
- v. *Warna kegelapan pada kulit di bahagian flexor pergelangan tangan kiri berukuran 1.0 x 1.0 sm.*
- vi. *Tanda tusukan jarum pada belakang tangan kiri.*
- vii. *Luka jahitan hirisan “chest tube” pada bahagian atas depan tepi dada sebelah kiri berukuran 3.0 x 0.5sm.*
- viii. *Calar kecil pada benjolan tulang di lutut sebelah kanan berukuran 2.0 x 2.0sm.*

- ix. *Kesan calar kecil pada bahagian atas bisep sebelah kanan.*

*Pemeriksaan dalaman pada bahagian kepala menunjukkan terdapat lebam pada kulit kepala di bahagian kiri parieto-temporal. Otot temporalis sebelah kiri juga mengalami sedikit lebam. Tulang tengkorak menunjukkan lubang craniotomy pada bahagian kiri parieto-temporal dengan selaput dura sedikit terkeluar. Keadaan otaknya menunjukkan terlalu bengkak. (oedema) dan lembek dan otak berhampiran mengalami lebam dan kemerahan. Terdapat pendarahan extradural melibatkan bahagian temporal kiri otak dan juga “middle cranial fossa” sebelah kiri. Pemeriksaan lanjut terdapat unjuran retak dan darah beku melibatkan bahagian dasar “middle cranial fossa” sebelah kiri.*

*Keadaan otak dan batang otaknya lembik. Terdapat juga pendarahan subarachnoid melibatkan kawasan depaj parieto-temporal kiri otak. Pada keseluruhan permukaan otaknya menunjukkan kemerahan (congestion) juga melibatkan bahagian serebellum di belakang batang otak. Bahagian dalam pons dan serebellum juga menunjukkan sedikit pendarahan.*

*Pemeriksaan dalaman bahagian leher, dada dan abdomen adalah normal. Pemeriksaan tulang menunjukkan hanya terdapat retak pada bahagian temporalckiri yang menganjur ke kawasan dasar “middle cranial fossa” sebelah kiri. Sebab kematian yang diberi adalah kecederaan parah dikepala akibat trauma tumpul. Bedahsiasat menunjukkan mangsa mati akibat daripada kecederaan parah di kepala dimana otaknya mengalami*

*pendarahan dan bengkak. Tulang tengkoraknya mengalami keretakan di bahagian temporal sebelah kiri mengunjur kebawah hingga kedasar tengkorak “left middle cranial fossa”.*

*Kecederaan ini adalah disebabkan oleh impak yang agak kuat dengan benda tumpul yang mengenai bahagian sebelah kiri kepala.*

*Alat yang digunakan untuk menyebabkan kecederaan di kepala adalah alat tumpul.”*

**[22]** Sreetaran a/l Ramankutty (SP3) adalah Ahli Kimia yang telah memeriksa spesimen darah si mati dan mengesahkan hasil ujiannya tidak menunjukkan sebarang kehadiran alkohol dalam spesimen darah si mati. SP4 juga tidak menemui sebarang dadah dari spesimen darah si mati.

**[23]** Ahli forensik, D/Sarjan Mohamad Anwan bin Ahmad Tarmizi (SP5) menyatakan pada 04.02.2016 beliau bersama tiga anggotanya dan Pegawai Penyiasat ASP Rozan Affendi (SP10) telah pergi ke tempat kejadian di padang permainan di padang Sekolah Menengah Seri Muda Seksyen 25 Shah Alam. Di tempat kejadian, L/Koperal Christ Baderick telah mengambil 3 keping gambar tempat kejadian atas arahan SP5. SP5 telah menjalankan pemeriksaan di tempat kejadian dan tidak menemui sebarang bukti barang kes. Seterusnya pada petang 04.02.2016, SP5 bersama Pegawai Penyiasat dan anggotanya telah menjalankan pemeriksaan ke atas kereta no BJY 9887 di IPD Shah Alam dan mendapati adanya kesan darah pada plastic visor di bahagian tingkap pintu pemandu dan tingkap pintu belakang pemandu serta kesan pecah pada plastic visor tingkap pintu pemandu. Pada 08.02.2016, SP5 juga telah memeriksa dua buah motorsikal Nombor pendaftaran BLS 129 dan BHY 3905 jenis Honda

Dream EX5 di IPD Shah Alam. SP5 juga telah mengambil swabbing peluh pada handle kedua-dua motorsikal tersebut. SP5 juga telah berjaya menimbulkan kesan cap jari di motorsikal-motorsikal tersebut.

**[24]** Inspektor Jasnie bin Misran (SP8) adalah pegawai yang menjalankan sesi kawad cam. SP8 menyatakan pada 07.02.2016 beliau telah menjalankan sesi kawad cam yang disertai 3 orang saksi iaitu saksi pertama (SP7), saksi kedua (Kumaravel) dan saksi ketiga (Cik Sarath Devi). Dalam sesi pemeriksaan kawad cam tersebut, SP7 telah dapat mengecamkan OKT1 dan OKT3 dan tidak dapat mengecam OKT 2. Manakala Saksi kedua (Kumaravel) dan saksi ketiga (Cik Sarath Devi) telah dapat mengecamkan OKT1. (Rujuk ekshibit P27)

**[25]** Insp Prakash a/l Balakrishnan (SP9) menyatakan pada 31.01.2016 beliau telah pergi ke Hospital Shah Alam untuk melawat si mati. SP9 nampak si mati terlantar di hospital dengan diberi bantuan pernafasan. Pada 02.02.2016 lebih kurang jam 11.00 malam beliau diberitahu bahawa si mati telah meninggal dunia. Pada 03.02.2016, beliau telah menangkap OKT1 di rumahnya. Pada 04.02.2016, beliau dan pasukannya telah menangkap OKT2 di rumahnya. OKT2 telah membawa SP9 ke Blok C-13-13 Perumahan Rakyat PPR Jalan 2, 1/55 Taman Muhibah, Mukim Petaling, Bukit Jalil Kuala Lumpur dan telah merampas T-shirt dan seluar jeans dari sebuah tandas. SP9 juga telah merampas sebuah motorsikal BHY3590 di Blok C. Pada 05.02.2016 jam lebih kurang 1.30 petang, OKT1 telah memandu arah SP9 dan anggotanya ke Taman Seri Muda Jalan Pertua dan telah menunjukkan satu padlock di dalam longkang. Pada hari yang sama, SP9 telah menangkap SP10, Logeshwaran a/l Krishnamurthi dan OKT3. Pada 05.02.2016, SP9 telah mengarahkan anggotanya untuk pergi ke rumah OKT1 dan telah

merampas sebuah motorsikal Honda EX5 BLS 1293. Hasil soal siasat yang dijalankan ke atas OKT1 dan OKT3, SP9 dan anggotanya telah dibawa oleh OKT1 dan OKT3 ke alamat Jalan Srikandi 25/14 Seri Muda dan di tempat ini, OKT3 telah menunjukkan topi keledar. Pada hari yang sama OKT1 telah membawa SP9 dan anggotanya ke Jalan Jaya, 25/95, dan telah menunjukkan satu topi keledar warna merah.

- [26] ASP Rozam Effendy bin Haji Raslee (SP11) adalah Pegawai Penyiasat bagi kes ini. Pada 03.02.2016 SP11 telah mengambilalih siasatan kes ini daripada Insp Imolly. Pada 03.02.2016 beliau telah hadir di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang menyaksikan bedah siasat ke atas jasad si mati yang dikendalikan oleh Dr Khairil Azman. Pada hari yang sama, beliau telah diserahkan OKT1 telah diserahkan kepada beliau. Hasil soalsiasat ke atas OKT1, OKT1 telah memandu arah pihak polis ke tempat dimana OKT1 membuang padlock ke dalam sebuah longkang. Pada 05.02.2016, beliau telah dimaklumkan bahawa OKT2 telah ditangkap di rumahnya. Pada hari yang sama beliau juga telah dimaklumkan bahawa OKT3 juga ditangkap di rumahnya. Pada 15.02.2016, SP11 juga dimaklumkan bahawa OKT4 telah ditangkap. Kawad cam telah dijalankan pada 07.02.2016 dimana SP7 telah mengecam OKT1 dan OKT3.

## **ELEMEN-ELEMEN PERTUDUHAN**

- [27] Bagi pertuduhan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen berikut, antara lain, iaitu.

- i. Mangsa Muggesh a/l Lechumanan telah meninggal dunia.

- ii. Kematian Muggesh a/l Lechumanan adalah akibat kecederaan yang dialami olehnya dan kecederaan tersebut pada lazimnya menyebabkan kematian si mati.
- iii. Kecederaan tersebut telah dilakukan oleh OKT-OKT dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tersebut dan ia telah dilakukan dengan sengaja.
- iv. Perbuatan mencederakan dan menyebabkan kematian si mati adalah dilakukan dengan niat bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan.

### **Elemen Pertama**

**[28]** Doktor Khairul Azman (SP4), Pakar Patologi Jabatan Perubatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang menyatakan pada 03.02.2016 pada jam lebih kurang 10.00 pagi bertempat di bilik bedah siasat Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat seorang lelaki yang dikenalpasti sebagai Muggesh a/l Lechumanan (No KP 950509-05-5223). Sebelum bedah siasat dijalankan mayat si mati telah dicamkan oleh SP11 dan abang si mati bernama Thirunyanan a/l Letchumanan. Apa yang jelas fakta bahawa si mati adalah Muggesh a/l Lechumanan tidak pada bila-bila masa dipertikaikan oleh pihak pembelaan.

### **Elemen Kedua**

**[29]** Saya mendapati berdasarkan hasil bedah siasat ke atas si mati, kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati adalah jelas pada lazimnya boleh menyebabkan kematian. Pemeriksaan dalaman pada bahagian kepala menunjukkan terdapat lebam pada kulit kepala di bahagian kiri parieto-temporal. Otot temporalis

sebelah kiri juga mengalami sedikit lebam. Tulang tengkorak menunjukkan lubang craniotomy pada bahagian kiri parieto-temporal dengan selaput dura sedikit terkeluar. Keadaan otaknya menunjukkan terlalu bengkak. (oedema) dan lembek dan otak berhampiran mengalami lebam dan kemerahan. Terdapat pendarahan extradural melibatkan bahagian temporal kiri otak dan juga “middle cranical fossa” sebelah kiri. Pemeriksaan lanjut terdapat unjuran retak dan darah beku melibatkan bahagian dasar “middle cranical fossa” sebelah kiri. Sebab kematian adalah kecederaan parah di kepala akibat trauma tumpulan. Bedahsiasat menunjukkan mangsa mati akibat daripada kecederaan parah di kepala dimana otaknya mengalami pendarahan dan bengkak. Tulang tengkoraknya mengalami keretakan di bahagian temporal sebelah kiri mengunjur kebawah hingga kedasar tengkorak “left middle cranial fossa”.Kecederaan ini adalah disebabkan oleh impak yang agak kuat dengan benda tumpul yang mengenai bahagian sebelah kiri kepala. Alat yang digunakan untuk menyebabkan kecederaan di kepala adalah alat tumpul.”

- [30]** Berdasarkan corak kecederaan-kecederaan yang dialami oleh simati, SP4 berpendapat kecederaan adalah disebabkan impak yang agak kuat dengan benda yang tumpul yang mengenai bahagian sebelah kiri si mati. Saya juga mendapati elemen kedua juga telah dibuktikan dan tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan.

### **Elemen ketiga**

- [31]** Saya mendapati isu utama yang perlu diputuskan dalam kes ini adalah sama ada OKT-OKT adalah orang yang telah menyebabkan kecederaan si mati yang boleh menyebabkan

kematian ke atas si mati. (Rujuk Seksyen 300 Limb (b)- Jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang pesalah itu ketahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan bencana itu;)

- [32] Pihak pendakwaan telah mengemukakan dua orang saksi yang berada di tempat kejadian iaitu SP7 dan SP10.
- [33] Ringkasan keterangan SP7 semasa pemeriksaan utama adalah sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 4 - 12. Semasa pemeriksaan balas, SP7 mengakui beliau ada membuat report polis pertama pada 31.01.2016 (ekhibit D29). SP7 bersetuju dalam report D29, antara lain, laporannya menyatakan semasa SP7 dan si mati hendak masuk ke dalam kereta, di hadapan Restoren Ameer Corner Jalan Abadi 25/58 Taman Seri Muda Seksyen 25 Shah Alam, dua buah motorsikal jenis tidak pasti warna biru dan Yamaha RXZ warna merah dinaiki empat orang disyaki india, semasa SP7 hendak membuka pintu, seorang daripada lelaki india tersebut telah menghempaskan helmet ke kepala SP7 berkali-kali yang menyebabkan cermin mata SP7 pecah, manakala kawan SP7 turut dibelasah sehingga cedera parah, pendarahan dalam otak.
- [34] Report D25 telah dibuat oleh SP7 pada 31.01.2016 pada jam 5.57 pagi.
- [35] Pada 3.02.2016, SP7 telah membuat laporan polis yang kedua. Antara kandungan laporan (D24), “...saya yakin kejadian ini adalah untuk menakut-nakutkan saya kerana pada 31.01.2016 jam lebih kurang 1.15 pagi, berlaku kejadian saya, kawan saya telah dipukul oleh beberapa orang lelaki India di padang belakang Sekolah Menengah Seri Muda 25/83 Shah Alam...”.



- [36] Berdasarkan D25, SP7 menyatakan kejadian dimana beliau dan kawannya dimati dipukul berlaku dihadapan Restoren Ameer Corner Jalan Abadi 25/58 Taman Seri Muda Seksyen 25 Shah Alam. Manakala berdasarkan D24, laporan polis yang dibuat oleh SP7 empat hari selepas kejadian, menyatakan tempat kejadian dimana SP7 dan kawannya si mati dipukul berlaku di padang belakang Sekolah Menengah Seri Muda 25 Shah Alam yang mana sama dengan keterangan SP7 di Mahkamah semasa pemeriksaan utama.
- [37] Saya mendapati laporan polis pertama yang dibuat oleh SP7 hanyalah dikemukakan di Mahkamah semasa pemeriksaan balas SP7 oleh peguam OKT1. Saya bersetuju dengan hujahan Peguam OKT1 bahawa pihak pendakwaan telah dengan sengaja menyembunyikan satu bukti yang material iaitu lokasi sebenar kejadian sepertimana yang dinyatakan dalam laporan polis pertama SP7 iaitu ianya berlaku di hadapan Restoren Ameer Corner Jalan Abadi 25/58 Taman Seri Muda Seksyen 25 Shah Alam.
- [38] Pada masa yang sama, saya juga mendapati pihak pendakwaan juga telah gagal menyerahkan laporan polis pertama yang dibuat oleh SP7 sebagaimana kehendak Seksyen 51 A Kanun Tatacara Jenayah kepada peguam OKT1.
- [39] Peguam OKT1 menghujahkan ekoran tingkah laku Timbalan Pendakwa Raya yang gagal membekalkan D25 kepada peguam OKT1, seharusnya inference negative (adverse inference) di bawah Seksyen 114 (g) Akta Keterangan dibuat ke atas pihak pendakwaan. Kes *Yap Huay Sin v. Sheraton Resort Langkawi* [2009] 2 LNS 0121 dirujuk. Saya bersetuju dengan hujahan peguam OKT1 atas isu ini.

- [40]** Saya telah meneliti keterangan SP7 dan saya mendapati SP7 telahpun mengenali OKT-OKT sebelum kejadian. SP7 semasa membuat laporan pertama (D25) menyatakan beliau nampak empat orang disyaki India. Begitu juga pada laporan kedua (D24), SP7 juga menyatakan beliau dan si mati telah dipukul oleh beberapa lelaki India. Apa yang jelas, SP1 dengan mudah dapat camkan OKT1 semasa kawad cam yang dibuat dua minggu selepas kejadian. Saya mendapati kegagalan pengadu untuk menamakan, sekurang-kurangnya OKT1 atau OKT1 dan OKT3 dalam D25 dan D24, menjadikan SP7 seorang saksi yang tidak bercakap benar di Mahkamah (*not a truthfull witness*). Mahkamah Persekutuan memutuskan dalam kes *Lee Ah Seng & Anor v. PP* [2007] 6 MLJ 1 ini, “... *it is not safe to treat Hassan Lee as a truthfull witness by reason of several discrepencies between his police report (FIR) and his evidence.*” Kes ini juga memutuskan antara lain “... *it is unnatural for a person who claims to have seen another commit a crime to report the crime and yet withhold the identity of the preperator, because the purspose of reporting a crime is to bring to wrong doer to justice.*”
- [41]** SP7 dalam pemeriksaan utama dengan yakin menyatakan tempat kejadian adalah di padang Sekolah Menengah Sri Muda, 25/83 Shah Alam. Didalam report pertama SP7 (D25) tempat kejadian adalah dihadapan Restoren Ameer Corner Jalan Abadi 25/58 Taman Seri Muda Seksyen 25 Shah Alam.
- [42]** Saya mendapati perbezaan dua tempat kejadian yang dinyatakan oleh SP7 sebagaimana di perenggan 38, menyokong dapatan mahkamah bahawa SP7 seorang saksi yang tidak bercakap benar. (Rujuk perenggan 37).

**[43]** Dalam kes *PP v. Lee Eng Kooi* [1993] 2 CLJ 534, antara lain memutuskan,

*[4] The contents of PW3's police report and his oral evidence in Court both cannot be true. If the police report is false then PW3 may be charged under s. 182 of the Penal Code for having lodged a false report and if his oral evidence in Court is false he may be charged under s. 194 of the Penal Code for having given false evidence. Such evidence which would attract a criminal charge against the witness in either event aforesaid could not be used to found a prima facie case against the Accused.*

*[5] If in a case the prosecution leads two sets of evidence, each one of which contradicts and strikes at the other and shows it to be unreliable, the result would necessarily be that the Court would be left with no reliable and trustworthy evidence upon which the conviction of the accused might be based. Inevitably, the accused would have the benefit of such a situation.*

Prinsip dalam kes ini juga telah diguna pakai dalam kes Mahkamah Rayuan *PP v. Willey Salleh* [2017] 1 LNS 1704.

**[44]** Berasaskan alasan dan dapatan di atas, saya mendapati SP7 adalah seorang saksi yang tidak bercakap benar. Oleh itu saya mendapati SP7 bukanlah seorang saksi yang credible.

**[45]** Saksi kedua yang berada di tempat kejadian ialah SP10. Timbalan Pendakwa Raya memaklumkan bahawa keterangan SP10 di mahkamah didapati bercanggah dengan kenyataannya kepada polis. Ekoran itu Timbalan Pendakwa Raya memohon untuk merujuk kepada kenyataan SP7 kepada polis, tetapi permohonan Timbalan Pendakwa Raya tidak dibenarkan kerana

saya berpendapat bagi impeachment proceeding pihak Timbalan Pendakwa Raya berhak untuk merujuk kenyataan saksi kepada polis (rujuk Seksyen 155(c) Akta Keterangan)- dengan membuktikan bahawa penyataan-penyataan terdahulu adalah tidak konsisten dengan mana-mana bahagian yang boleh disangkal (rujuk kes *GCU Insurance Bhd V Asian Security Paper Mills Sdn Bhd* [2006] 3 MLJ, yang menekankan, “*that if impeachment proceedings are contemplated, there must be strict adherence to the procedure laydown by Section 145 Evidence Act*”, juga rujuk kes *Muthusamy v. PP* [1948] MLJ 57, *Krishnan & Anor v. PP* [1981] 2 MLJ 121 dan *Jusoh bin Awang v. PP* 150 MLJ 69). Bagi permohonan Timbalan Pendakwa Raya untuk menanya soalan kepada saksinya sendiri (*cross examination his own witness*), ianya tidak memerlukan penyataan saksi kepada polis dirujuk kepada Mahkamah.

- [46]** Saya mendapati Timbalan Pendakwa Raya telah memeriksa balas saksinya sendiri iaitu SP10. Biasanya Timbalan Pendakwa Raya atau peguam membuat permohonan untuk memeriksa balas saksinya sendiri apabila didapati saksinya adalah seorang saksi yang tidak bercakap benar (*hostile witness*). Seksyen 145 dan 154 Akta Keterangan membenarkan pemeriksaan balas keatas saksinya sendiri. Seksyen 145 adalah berkaitan pemeriksaan balas keatas saksi mengenai penyataan bertulis terdahulu dimana saksi tersebut mestilah ditanya sama ada dia telah membuat penyataan itu atau tidak. Dalam hal yang demikian saksi tersebut perlulah dirujuk kepada penyataan saksinya. Seksyen 154 adalah soalan oleh suatu pihak kepada saksinya sendiri. Mana-mana pihak boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk memeriksa balas saksinya sendiri. Mahkamah boleh, menurut budi bicaranya membenarkan permohonan tersebut tanpa perlunya saksi tersebut dirujuk kepada penyataan saksinya.

Berbalik kepada kes ini, Timbalan Pendakwa Raya telah membuat permohonan untuk memeriksa balas saksinya SP10 dibawah Seksyen 154 dan ekoran itu saya memutuskan tidak perlunya saksi ini dirujukkan kepada penyataan SP10 kepada polis.

- [47]** Saya telah meneliti keterangan SP10 dan saya mendapati keterangan SP10 langsung tidak membantu kes pendakwaan. SP10 menyatakan selepas beliau balik dari kedai membeli rokok, beliau melihat OKT-OKT berada ditempat kejadian bersama dengan ramai orang lagi. SP10 tidak nampak bagaimana simati dcederakan. SP10 hanya nampak simati ada mengalami kecederaan di kepala, yang mana keterangan ini lansung tidak membantu kes pihak pendakwaan.
- [48]** SP9 dalam keterangannya menyatakan hasil soal siasat keatas OKT 1, SP9 dan pasukannya telah dibawa ke tempat kejadian dan OKT1 telah menunjukkan fork lock yang dibuang didalam longkang dihadapan padang Taman Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam. Saya menolak keterangan ini kerana SP5 dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau pada 04.02.2016 bersama pegawai penyiasat dan tiga anggota polis yang lain telah pergi ke tempat kejadian di padang permainan di padang Sekolah Menengah Seri Muda Seksyen 25 Shah Alam dan telah menjalankan pemeriksaan di tempat kejadian dan tidak menemui sebarang ekshibit. Keduanya saya mendapati dalam borang bongkar (P10) fork lock ditemui didalam longkang bersebelahan rumah no 2, Jalan Petua, 25-92, Taman Sri Muda, Shah Alam. Manakala dalam (P13) dinyatakan fork lock tersebut telah dibuang didalam longkang dihadapan padang Taman Sri Muda Seksyen 25 Shah Alam.

- [49] OKT1 juga telah membawa dan menunjukkan kepada SP9 dan anggotanya satu topi keledar warna merah di jalan Jalan Jaya, 25/95. Atas alasan yang sama, saya juga menolak keterangan SP9 berkaitan dengan penemuan topi keledar warna merah hasil daripada maklumat dan tunjuk arah oleh OKT1. Apa yang jelas longkang yang dikatakan barang kes tersebut dijumpai adalah tempat yang terbuka dan bukannya tempat yang tersembunyi (rujuk kes *Y Jeyamuraly Yesiah v. PP* [2007] 5 CLJ 605). Orang yang pertama sampai di tempat kejadian ialah SP5 bersama dengan pegawai penyiasat dan 3 anggota polis yang lain. Sekiranya benar barang-barang tersebut berada di tempat kejadian, sudah tentu SP5 dan pegawai penyiasat serta 3 anggota yang lain dengan senang dapat menemui barang-barang tersebut.
- [50] Dalam laporan polis (Eksibit P32) pihak polis telah berjaya merampas satu topi keledar warna hitam tanpa visor di tepi sungai. Apabila SP9 disoal balas oleh peguam, SP9 menyatakan beliau tidak dapat mengenal pasti tempat tepi sungai dimana topi keledar tersebut telah dijumpai. Peguam menghujahkan ekoran tiada sebarang penandaan dan gambar diambil untuk membuktikan topi keledar tersebut dijumpai, Mahkamah hendaklah berhati-hati dalam menerima keterangan SP7 dalam isu ini. (Peguam telah merujuk kepada kes *PP v. Mohd Farid bin Sukis* [2002] 3 MLJ 401). Apa yang jelas berasaskan tempat topi keledar warna hitam tersebut dijumpai peruntukan Seksyen 27 Akta Keterangan tidak terpakai.
- [51] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya mendapati keterangan SP9 yang menyatakan bahawa OKT3 telah membawa SP9 dan anggotanya ke Jalan Jaya, 25/95, dan telah menunjukkan satu topi keledar warna merah, perlu diteliti dengan berhati-hati.

- [52] Berasaskan dapatan bahawa SP7 bukannya satu saksi yang kredible, SP10 keterangannya tidak dapat membantu kes pendakwaan dan wujudnya keraguan keterangan SP9 tentang penemuan barang kes, saya mendapati pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie sebagaimana pertuduhan keatas OKT 1 dan OKT3. (Rujuk Seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah dan kes *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 1 CLJ 138).
- [53] Peguam OKT2 dan OKT4 menghujahkan bahawa keterangan saksi-saksi material pihak pendakwaan iaitu SP7 dan SP10 yang tidak dapat mengecam OKT 2 dan OKT4, dan wujudnya percanggahan yang menyebabkan kredibiliti saksi-saksi pendakwaan diragui, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie sebagaimana pertuduhan keatas OKT2 dan OKT4.
- [54] Peguam OKT2 dan OKT 4 juga menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan wujudnya niat bersama dibawah Seksyen 34 Akta Kanun Keseksaan dengan tiada sebarang keterangan yang dikemukakan memlaui saksi-saksi pendakwaan yang dapat mengaitkan penglibatan OKT-OKT dengan pertuduhan ini.
- [55] Peguam menghujahkan pihak pendakwaan bergantung kepada laporan polis (P30 dan P33) untuk membuktikan bahawa hasil maklumat yang diberi oleh OKT2 telah membawa kepada penemuan barang kes iaitu sebuah topi keledar jenis MS88 warna merah (Eksibit P44A) yang dikatakan ditemui di tepi longkang jalan raya 25/95 (hadapan rumah nombor 45 seperti yang dinyatakan dalam eksibit P30 dan juga P44). Saya mendapati pemeriksaan awal tempat kejadian pada 4.4.2016 oleh pihak unit forensic di tempat kejadian ialah negatif dan tidak

menjumpai sebarang eksbit berkaitan barang kes menyebabkan keterangan SP9 berkaitan isu ini adalah meragukan dan ditolak oleh Mahkamah. Apa yang jelas, sebagaimana yang di nyatakan sebelum ini tempat tersebut adalah sesuatu yang terlalu umum, luas dan juga tidak terkawal yang mana boleh mewujudkan situasi dimana sesiapa sahaja boleh mengakseskan tempat kejadian/kawasan itu dan sesiapa sahaja boleh membuang topi keledar warna merah di tepi longkang sebagaimana yang dinyatakan oleh SP9.

- [56] Saya juga mendapati kawad cam yang dijalankan juga tidak membantu pihak pendakwaan untuk mengaitkan OKT2 dan OKT 4 adalah orang yang terlibat untuk membunuh si mati dengan niat bersama dibawah Seksyen 34 Kanun Tatacara Jenayah.
- [57] Saya juga mendapati pihak pendakwaan juga gagal membuktikan bahawa OKT-OKT telah terlibat dengan perbuatan mendatangkan cedera kepada SP7.
- [58] Berdasarkan pertuduhan, OKT-OKT telah di tuduh membunuh si mati dengan niat bersama di bawah seksyen 34 Kanun Keseksaan. Kewujudan niat bersama adalah soal fakta yang boleh dibuat inferens berdasarkan keadaan keseluruhan kes ini *the totality of the circumstances* – rujuk kes *Krishna Rao Gurumurthi v. PP and Another Appeal* [2009] 2 CLJ 603). Niat bersama perlu dibuktikan telah dilakukan “*in pursuant of pre-arranged plan*” (rujuk kes *Mahbub Shah v. Emperor* [1945] 47 BOMLR 941) *or a prior meeting of the minds to commit the offence at the interval prior to the commission of the offence* (rujuk kes *PP v. Ayavoo a/l Subramaniam* [2004] 6MLJ 511).
- [59] Setelah meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan, saya juga mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa



OKT-OKT mempunyai niat bersama untuk membunuh si mati sebagaimana prinsip yang digariskan dalam kes-kes diatas.

[60] Berasaskan penilaian maksima ke atas keterangan saksi-saksi pendakwaan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam kes *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 1 CLJ Rep 311, saya mendapati pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen ketiga dan keempat pertuduhan.

[61] Justeru itu, saya mendapati pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan satu kes prima facie ke atas OKT-OKT sebagaimana pertuduhan. OKT-OKT dengan ini dilepas dan dibebaskan di akhir kes pihak pendakwaan.

**(MOHD YAZID HAJI MUSTAFA)**

Hakim Jenayah 5

Mahkamah Tinggi Shah Alam

**Bertarikh:** 16 JANUARI 2020

**KAUNSEL:**

*Bagi pihak pendakwa raya - Amir Hamdza Osman, Timbalan Pendakwa Raya Kamar penasihat Undang-Undang Negeri Selangor*

*Bagi pihak OKT 1 - Muniandy Vestanathan; T/n Any & Co, Swider Singh; T/n Kiranjit Randhawa & Co*

*Bagi pihak OKT 2 & 4 - Ayasamy Velu; T/n V Samy Renu & Co*

*Bagi pihak OKT 3 – Taneswaran Parimalaah Nellasamy; T/n Thomazios, Tanes, Khoo & Paulraj*

**Perundangan yang dirujuk:**

Kanun Keseksaan, ss. 7, 25, 34 , 302

Keterangan 1950, ss. 27, 114 (g), 145, 154, 155(c)

Kanun Tatacara Jenayah, ss. 34, 51, 180